

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 14 / 09 / 2007

Dr. Mahathir dipindah ke wad biasa

KUALA LUMPUR 13 Sept. – Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sedang menjalani rawatan pemulihan selepas pembedahan pintasan koronari jantung 4 September lalu hari ini dipindahkan ke Wad Bunga Raya Institut Jantung Negara (IJN).

IJN dalam satu kenyataan memberitahu, bekas Perdana Menteri itu dipindahkan ke wad biasa tersebut dari Unit Rawatan Rapi (ICU) pada pukul 11 pagi ini.

“Para doktor gembira beliau telah menunjukkan kemajuan yang

baik sepanjang sembilan hari berada di ICU,” katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, Dr. Mahathir juga sudah boleh berjalan tanpa alat sokongan dan makan makanan biasa.


“Bagaimanapun, lawatan masih hanya dihadkan kepada anggota keluarga terdekat bagi mengurangkan risiko jangkitan,” katanya.

Dr. Mahathir menjalani pembedahan pintasan koronari selama lima jam di IJN oleh sekumpulan pakar bedah diketuai pakar jantung terkemuka, Tan Sri

Dr. Yahya Awang.

Selain Dr. Yahya, pembedahan itu dibantu oleh Datuk Dr. Razali Wathooth, Datuk Dr. Azahari Yakub, Datuk Dr. Venugopal Balchand, Datuk Ezani Mohd. Taib dan Ketua Pakar Bedah Kardiologi Klinik Mayo, California, Prof. Dr. Hartzell Schaff.

Ia merupakan pembedahan pintasan koronari kali kedua Dr. Mahathir, 81, selepas pembedahan pertama pada 24 Januari 1989 di Hospital Besar Kuala Lumpur.



DR. MAHATHIR